

# PHENOBARBITONE TABLET

Phenobarbitone (30 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Phenobarbitone Tablet
2. Bagaimana Phenobarbitone Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Phenobarbitone Tablet
4. Cara menggunakan Phenobarbitone Tablet
5. Semasa menggunakan Phenobarbitone Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Phenobarbitone Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Phenobarbitone Tablet

Phenobarbitone Tablet digunakan untuk

- rawatan gangguan tidur untuk jangka masa yang pendek.
- sebagai ubat penenang untuk melegakan keresahan, ketegangan dan kebimbangan
- rawatan penyakit sawan
- hiperbilirubinemia (tahap kepekatan bilirubin yang tinggi dalam darah) pada bayi atau kolestasis intrahati kronik (pengurangan aliran hempedu dari hati)

## Bagaimana Phenobarbitone Tablet berfungsi

Phenobarbitone Tablet tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil *barbiturates*. Ia mengubah fungsi otak dan menyebabkan rasa mengantuk, khayal dan *hypnosis*. Ia berfungsi untuk menstabilkan aktiviti di dalam otak untuk mengelakkan penyakit sawan. Ia juga merendahkan kepekatan *serum bilirubin*.

## Sebelum menggunakan Phenobarbitone Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Phenobarbitone Tablet dan beritahu doktor anda jika anda mempunyai:

- alahan (hipersensitiviti) untuk phenobarbitone, barbiturat lain atau mana-mana bahan-bahan lain (lihat bahagian **Maklumat Lanjut**).
- porphyria (kecelaruan genetik atau keturunan pada pigmen hemoglobin dalam sel darah merah)
- kesukaran bernafas yang teruk

- penyakit buah pinggang atau hati yang teruk

- Sebelum menggunakan Phenobarbitone Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini jika anda:

- mengalami masalah buah pinggang atau hati
- kesukaran bernafas

Mengandung dan menyusukan anak

Phenobarbitone Tablet boleh menjejaskan tumbesaran bayi jika anda mengambilnya semasa mengandung. Phenobarbitone dikumuhkan dalam susu payudara. Penggunaan Phenobarbitone Tablet oleh ibu yang menyusu boleh menyebabkan kemurungan sistem saraf pusat pada bayi.

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, menyusu, atau jika anda bercadang untuk hamil. Jangan mengambil Phenobarbitone Tablet sehingga anda dan doktor anda telah berbincang mengenai manfaat dan risiko terlibat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan seperti di bawah:

- Acetaminophen atau paracetamol (untuk melegakan demam dan kesakitan)
- Steroid
- Antihipertensi (untuk mengurangkan tekanan darah)
- Antipsikotik (untuk merawat kecelaruan mental)
- Antidepresan (untuk merawat kecelaruan mood), *contohnya tricyclic antidepressant (TCA), monoamine oxidase inhibitor (MAOI)*
- Antikonvulsan (merawat sawan), *contohnya carbamazepine, valproic acid*
- Ubat yang merangsang atau merencat sistem saraf pusat
- Antikoagulan (merawat darah beku), *contohnya warfarin*

- Digoxin (untuk merawat masalah jantung)
- Antibiotik (untuk merawat jangkitan), *contohnya doxycycline Steroid*
- Pil perancang keluarga atau pil pencegahan kehamilan kecemasan (pagi selepas pil) (lihat juga perkara yang perlu diberi perhatian)

Ubat-ubatan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berinteraksi dengan Phenobarbitone tablet. Doktor dan ahli farmasi mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

## Cara menggunakan Phenobarbitone Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

*Dos dewasa biasa*

30-125 mg, diambil 3 kali sehari. Dos sehingga 350 mg boleh diambil setiap hari, dalam dos terbahagi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan dan nasihat doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil ubat dan dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Jika anda tidak pasti sama ada untuk mengambil dos seterusnya, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat dengan rumah anda, jika anda terambil dos yang berlebihan. Arahan ini diperlukan walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaian atau keracunan.

# PHENOBARBITONE TABLET

Phenobarbitone (30 mg)

## Semasa menggunakan Phenobarbitone Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Phenobarbitone Tablet.

Beritahu doktor dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Jangan berkongsi Phenobarbitone Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

#### **Memandu dan menggunakan mesin :**

Phenobarbitone Tablet boleh menyebabkan anda rasa kurang peka daripada biasa. Pastikan anda tidak terjejas sebelum memandu atau mengendalikan mesin.

#### **Minuman alkohol:**

Jika anda minum alkohol, ia boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan yang tidak diingini. Doktor anda mungkin mencadangkan agar anda mengelakkan daripada meminum alkohol secara berlebihan atau mengurangkan jumlah alkohol yang anda minum semasa anda mengambil.

#### **Warga tua:**

Pesakit warga tua mungkin lebih sensitif kepada kesan barbiturat. Mereka mungkin bertindak balas kepada dos biasa barbiturat dengan kegembiraan, kekeliruan atau kemurungan.

#### **Kanak-kanak:**

Setengah kanak-kanak mungkin bertindak balas terhadap barbiturat dengan kegembiraan paradoks (kesan daripada rawatan perubatan yang bertentangan dengan kesan yang biasanya dijangkakan).

#### **Wanita yang berpotensi mengandung :**

Menggunakan Phenobarbitone Tablet boleh menyebabkan kontraseptif oral anda untuk menjadi kurang berkesan, dan ia mungkin tidak dapat mencegah kehamilan. Anda mungkin memerlukan dos pil perancang yang lebih tinggi daripada biasa untuk mencegah kehamilan, atau anda mungkin perlu mempertimbangkan cara kontrasepsi lain. Anda perlu berbincang dengan doktor anda jika anda ingin mengambil pil perancang semasa mengambil Phenobarbitone Tablet.

#### **Phenobarbitone Tablet mengandungi laktosa:**

Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda tidak dapat bertoleransi kepada beberapa jenis gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Phenobarbitone Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini:

- **Tindak balas alahan:** ruam kulit, gatal-gatal, demam, bengkak pada muka, bibir, lidah, kelopak mata, atau tekak, atau kesukaran untuk bernafas, sesak dada atau kesukaran menelan.
- **Kesihatan mental:** kegelisahan dan kekeliruan dalam kalangan orang tua, keseronokan luar biasa, keletihan atau rasa lemah yang luar biasa, kemurungan, kerosotan ingatan dan (mendengar suara atau melihat benda yang sebenarnya tidak wujud)
- **Sistem Saraf :** hiperaktif, gangguan tingkah laku pada kanak-kanak, mata berkedip-kedip, mengantuk, lesu.
- kekuningan pada mata dan kulit
- Mengantuk
- Kesan mabuk
- Sembelit
- Rasa lemah, sakit kepala, loya, muntah-muntah

- Mimpi ngeri atau masalah tidur
- Kerengsaan yang luar biasa

Kesan-kesan sampingan selain daripada yang disenaraikan di sini juga boleh berlaku. Bincang dengan doktor anda mengenai sebarang kesan sampingan yang luar biasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Phenobarbitone Tablet**

##### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Jangan mengambil Phenobarbitone Tablet selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada pek pembungkusan. Tutup botol dengan rapat. Simpan di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

##### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat Lanjut**

##### - Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk dwicembung, bulat, bersih, kering, seragam, bertepi rata dan berwarna putih.

##### - Bahan-bahan kandungan:

- Bahan aktif

Setiap tablet mengandungi *Phenobarbitone 30mg*

- Bahan tidak aktif

*Lactose, Magnesium Stearate, Maize Starch, Sodium Benzoate and Sodium Starch Glycolate.*

##### - Nombor MAL:

MAL19860219AZ

# PHENOBARBITONE TABLET

Phenobarbitone (30 mg)

---

**Pengilang:**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd  
(661901-P),  
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar  
Arang Industrial Estate, 08000  
Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

**Pemegang PendaftaranProduk:**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd  
(661901-P),  
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar  
Arang Industrial Estate, 08000  
Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**

09/10/2015

Nombor siri

BPFK(RA/1)071015/00345